



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH YAN**

**06900 YAN**

**KEDAH DARUL AMAN**

**TEL: 04 – 702 8808 / FAKS : 04 – 702 8818**

**EMAIL : pdy@kedah.gov.my**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada anak Negeri Kedah Darul Aman yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada **18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan **Jawatan Tetap** di **Pejabat Daerah dan Tanah Yan**.

<b>JAWATAN / GRED</b>	<b>PEMBANTU AWAM, GRED H11</b>
<b>Klasifikasi Perkhidmatan</b>	<b>: Kemahiran</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	<b>: Pelaksana</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	<b>: Tetap</b>
<b>Bilangan Kekosongan</b>	<b>: 1 (Satu)</b>
<b>No Fail</b>	<b>: PDY/100/1/84</b>
<b>Jadual Gaji</b>	<b>: RM 1,218.00 – RM 2,939.00</b>

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
<b>RM 1,218.00</b>	<b>RM 2,939.00</b>	<b>RM 80.00</b>

*\* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (COLA).*

### SYARAT LANTIKAN

**Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :**

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Terbuka kepada **Lelaki** sahaja;
- c) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- d) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
(Gaji permulaan pada Gred H11 : RM 1,218.00)

### SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### DISKRIPSI TUGAS

- a) Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat.
- b) Menjalankan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja yang diperlukan.
- c) Melaksanakan kerja-kerja penanaman dan penyelenggaraan pokok-pokok teduhan.
- d) Menjalankan tugas-tugas penyelenggaraan elektrik dan pembaikan kecil bangunan.
- b) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

### TEMPOH PERCUBAAN DAN LATIHAN

Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun (1 bulan hingga 36 bulan) dan perlu mengikuti latihan dan Peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

## PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

## CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Pejabat Daerah dan Tanah Yan yang boleh didapati di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Daerah dan Tanah Yan, Kedah Darul Aman atau boleh dimuat turun di laman sesawang melalui pautan URL : <https://webpdt.kedah.gov.my>, laman Facebook Rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Yan mulai **21 September 2023 (Khamis)**.
2. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
  - a) Salinan Kad Pengenalan;
  - b) Salinan Sijil Kelahiran;
  - c) Salinan Sijil Berhenti Sekolah;
  - d) Sijil-Sijil Persekolahan;
  - e) Salinan Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah) \*Mana yang berkaitan dengan Jawatan yang dipohon;
  - f) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport; dan
  - g) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (Jika ada).
3. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah oleh Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Penghulu Mukim. Semua Salinan sijil/dokumen hendaklah bersaiz A4.

## CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

4. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan-badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) terkini dan dihantar melalui Ketua Jabatan masing-masing.
5. Pemohon daripada anggota berjawatan tetap di gred yang sama dan sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Persekutuan, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan adalah tidak dipertimbangkan.
6. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
7. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
8. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar di dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon. Permohonan hendaklah sampai sebelum atau pada **04 Oktober 2023 (Rabu) jam 5.00 Petang**.

## CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

Alamat permohonan dan tarikh tutup permohonan:

**PEGAWAI DAERAH YAN  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH YAN  
06900 YAN  
KEDAH DARUL AMAN  
(u.p: Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 04 OKTOBER 2023 (RABU)**

### **CATATAN AM:**

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Pemohon yang berjaya akan ditempatkan mengikut kepentingan perkhidmatan.
4. Sila patuhi arahan yang diberikan.